

Tiada Semangat Patriotisme, Bermusim Antara Faktor Kurangnya Kibaran Jalur Gemilang
Bernama
28 Aug, 2013
Oleh Shaidathul Suhana Ros

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Setiap kali menjelang sambutan hari kemerdekaan, rakyat Malaysia sebagai pewaris yang bebas daripada belenggu penjajah, disaran menunjukkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

Era awal pasca kemerdekaan, rata-rata rakyat terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, mempamer semangat sayangkan negara yang tinggi dengan mengibarkan Jalur Gemilang ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara.

Namun semangat itu merapuh sedikit demi sedikit pada zaman ledakan teknologi maklumat dan dunia globalisasi merentasi sempadan sehingga membuka ruang kepada anasir yang mampu merosakkan negara.

Lantaran itu, Jalur Gemilang yang dahulunya dikibar megah di setiap premis dan bangunan kerajaan atau swasta, tidak lagi kelihatan ketika ini meskipun sambutan kemerdekaan berbaki tiga hari lagi.

Tokoh Sastera Profesor Madya Dr Lim Swee Tin berkata segelintir masyarakat memandang remeh dan mengambil mudah akan hal bersangkutan negara sehingga memperlihatkan semangat patriotisme yang tipis.

"Ada yang berkata, perasaan cinta akan negara sering terpendam di hati dan tidak perlu diheboh-hebohkan. Namun kita memerlukan manifestasi untuk menzahirkan kecintaan ini. Saya fikir tidak sesukar mana mengibarkan bendera di premis.

"Saya tidak bermaksud mengungkit, akan tetapi negara memberi kita kemakmuran yang tiada taranya, apalah sangat sehelai bendera untuk mengenangi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pada 25 Ogos lepas, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata mulai tahun depan, satu kaedah pelaksanaan pengibaran Jalur Gemilang akan dilancar bermula di kuarters kerajaan di Putrajaya diikuti premis swasta dan rakyat secara individu.

Ahmad Shabery membuat kenyataan itu selepas kecewa dengan sambutan masyarakat terhadap Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena Hari Kemerdekaan ke-56 negara.

Lim berkata secara peribadi, beliau tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan mewujudkan undang-undang mewajibkan setiap premis dan bangunan kerajaan atau swasta mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang sambutan bulan kemerdekaan.

Sebaliknya, beliau berkata kesedaran yang terbit dari dalam diri itu lebih bererti selain mengadakan kempen yang memberi peringatan dan membuat teguran secara berhemah serta penuh kebijaksanaan agar masyarakat dapat melihat kebaikannya.

"Bayangkan kita masih mempunyai tanah air untuk dikibarkan bendera, tak bersyukur kalau dibandingkan mereka yang tertindas, terusir dan kehilangan harga diri kerana

ketiadaan negara," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia Profesor Madya Dr Arba'ie Sujud berkata antara punca yang menyebabkan Jalur Gemilang tidak dipasang di premis dan bangunan ialah kerana ia itu tidak dilihat atau difahami sebagai lambang jati diri rakyat Malaysia.

"Kurang semangat patriotisme. Bagi mereka memasang Jalur Gemilang tidak menguntungkan kerana tiada paksaan dan tiada kepentingan bahkan disifatkan sebagai aktiviti bersifat bermusim," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata undang-undang yang mewajibkan setiap premis dan bangunan kerajaan atau swasta mengibarkan Jalur Gemilang perlu diwujudkan untuk menjadikannya suatu budaya, jika gesaan awal tidak berkesan.

Selain itu, beliau berkata usaha menyemai semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda tidak sekadar dengan menceritakan kisah perjuangan pejuang kemerdekaan, sebaliknya perlu ditera menerusi sistem pendidikan, latihan, kursus dan bengkel secara berterusan.

"Wajibkan semua generasi muda ikuti program untuk fahami sejarah negara. Kerajaan perlu tegas merealisasikan perkara ini dan tidak bersifat bermusim dalam usaha untuk menyemai semangat patriotisme," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973508>